

Sistem pengurusan Islam alternatif terbaik

“

ILMU
PENGURUSAN
ISLAM
BERTUNJANGKAN
KEPADA
PARADIGMA
TAUHID,
MEMPUNYAI
PRINSIP ASAS
UTAMA IAITU
AMANAH, SYURA
DAN ADIL”

Pengurusan dalam Islam ditakrifkan sebagai suatu proses melakukan, membuat dan menyempurnakan kerja atau tugas melalui fungsi pengurusan secara fitrah atau semula jadi melalui dan bersama orang lain dalam usaha mencapai objektif kerja secara berkesan.

Selain itu, sumber organisasi digunakan dengan cekap dalam persekitaran yang dinamik dan sentiasa berubah bagi mencapai objektif organisasi untuk mencapai al-Falah iaitu kejayaan di dunia mahupun akhirat kelak.

Persoalan pengurusan Islam bukanlah persoalan baru dalam konteks negara kita. Dasar penerapan nilai Islam dalam agenda pembangunan negara diperkenalkan kerajaan sejak 1985.

Ilmu pengurusan Islam yang lebih bertunjangkan kepada paradigma tauhid, iaitu mempunyai beberapa prinsip asas utama terma-



gambar hiasan

Akad diantara pembeli dan peniaga dalam islam.

suk amanah, syura dan adil. Amanah adalah segala sesuatu yang wajib dipelihara dan ditunaikan kepada ahlinya. Impak daripada sifat amanah maka lahirlah pula sifat terpuji lain yang membawa kepada terlaksananya sifat ikhlas, jujur dan bekerja demi mencari keredaan Allah.

Ciri amanah yang perlu diamalkan dalam setiap pengurusan ialah jujur dalam

melakukan setiap pekerjaan. Pengurus yang amanah boleh dikategorikan sebagai pengurus yang bersikap terbuka dalam menjalankan kerjanya. Menyiap dan menyempurnakan kerja lebih penting daripada ganjaran yang diterima. Justeru, pengurus yang amanah akan menjadikan kerja sebagai satu kepuasan bagi dirinya.

Dalam hal ini, pengurus juga tidak boleh menjadikan

jabatannya sebagai tempat mencari keuntungan peribadi.

Tanggungjawab pengurus

Selain itu, pengurus Islam wajib mempunyai sifat ubudiyah, mas'uliah, itqaan, dan qanaah. Ubudiyah bermaksud segala yang berkaitan dengan ibadat dan akhirat. Untuk merealisasikan sifat ini, pengurus Islam wajib menyerahkan segala perlakuannya ke arah mengabdikan diri semata-mata kerana Allah SWT.

Sementara mas'uliah ialah bertanggungjawab. Maka seorang pengurus bertanggungjawab terhadap sebarang perlakuannya dan prestasi kerjanya. Mereka tidak boleh mengabaikan tanggungjawab terhadap prestasi kerjanya.

Itqaan pula bermaksud kerja yang dilakukan dengan tekun dan bersungguh-sungguh. Justeru, pengurus wajib melaksanakan dan menyempurnakan kerja yang dilakukan dengan tekun serta bersungguh-sungguh.

Qanaah bermaksud sentiasa berpuas hati dengan rezeki yang diberikan oleh Allah. Pengurus Islam yang mempunyai sifat seperti ini bukanlah seorang pengurus yang mengejar pangkat dan status sebagai objektif hidupnya malah ganjaran yang setimpal akan diperoleh di akhirat kelak.

Umat Islam perlu mambangkan model pelaksanaan Sistem Pengurusan Islam sesuai untuk masa kini. Model mestilah berpaksikan konsep utama Islam sebagai Ad-din, iaitu cara hidup yang komprehensif di mana Islam telah meletakkan manusia di muka bumi ini.

Kita mestilah berusaha untuk menjadi seorang pengurus Islam yang berjaya serta harus mengetahui dan mengenali apakah itu yang dimaksudkan dengan pengurusan Islam serta bagaimana menjadi seorang pengamal pengurus Islam demi mencari keberkatan dan keredaan Allah SWT.

Norfazila Ismail

Pelajar tahun tiga jurusan Bahasa Arab dan Komunikasi Universiti Sains Islam Malaysia